



**Permodalan Nasional Berhad**

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera  
22 Mac 2016**

## **AGIHAN PENDAPATAN 7.05 SEN SEUNIT UNTUK ASB 2**

**KUALA LUMPUR** - Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan agihan pendapatan sebanyak 7.05 sen seunit bagi Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016.

Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji berkata, "Pengagihan pendapatan tahun ini membabitkan peruntukan sebanyak RM213.07 juta, peningkatan sebanyak 131.6% berbanding RM92.00 juta yang telah diperuntukkan pada tahun lalu. Peruntukan ini juga akan dimanfaatkan oleh 159,480 pemegang unit yang melanggan 4.40 bilion unit ASB 2."

Tambah beliau lagi, "ASB 2 telah melalui persekitaran pasaran saham yang mencabar dua tahun berturut-turut, yang disebabkan oleh kelembapan ekonomi dunia dan domestik, kejatuhan harga minyak mentah dan minyak kelapa sawit yang berterusan serta penyusutan nilai ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika. Namun, prestasi tabung ASB 2 adalah masih memuaskan bagi tahun kewangan berakhir 2016."

Sehingga 18 Mac 2016, jumlah pendapatan kasar ASB 2 adalah sebanyak RM228.72 juta. Pendapatan daripada keuntungan jualan saham menyumbang sebanyak RM101.81 juta atau 44.5% daripada keseluruhan pendapatan kasar.

Pendapatan dividen yang diterima daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM87.97 juta atau 38.5%, manakala selebihnya iaitu RM38.94 juta atau 17.0% adalah daripada lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan ASB2 adalah berdasarkan kepada purata baki pegangan minimum bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan tabung ASB 2.

Kadar pengagihan pendapatan tabung ASB 2 ini adalah kompetitif jika dibandingkan dengan instrumen-instrumen pelaburan lain yang sesuai dijadikan perbandingan serta mengambil kira suasana pelaburan semasa.

Semua urusan niaga bagi ASB 2 di Ibu Pejabat ASNB, pejabat-pejabat ASNB dan ejen-ejen ASNB akan ditangguhkan bermula 23 Mac 2016 sehingga 31 Mac 2016.

Penangguhan urusan niaga ini adalah bertujuan untuk pengiraan pengagihan pendapatan bagi tahun 2016. Urusan niaga ASB 2 akan berjalan seperti biasa bermula 1 April 2016.

Pembayaran pengagihan pendapatan tabung ASB 2 akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun para pemegang unit. Para pemegang unit boleh mengemaskini buku pelaburan ASB 2 masing-masing di Ibu Pejabat ASNB, pejabat-pejabat atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 April 2016.

ASB 2 adalah sebuah 'Tabung Aset Campuran Pendapatan' atau '*Mixed Asset Income Fund*' yang dilancarkan pada 2 April 2014. Objektif tabung ini ialah untuk menjana pulangan jangka panjang yang konsisten, di samping memastikan pengekalan modal pemegang unit melalui pelaburan di dalam portfolio aset campuran.

**Dikeluarkan oleh:**

**PERMODALAN NASIONAL BERHAD**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Cik Aminah Haji Mahadi**

**Pengurus Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat**

**Tel: 03-2050 5445, Faks: 03-2050 5268, E-mel: [aminah\\_hm@pnb.com.my](mailto:aminah_hm@pnb.com.my)**